

# PM bincang usahasama industri berat

SH 6 DEC 1989

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Malaysia dan Indonesia hari ini membincangkan soal kemungkinan mengadakan latihan teknikal bersama dan usaha mencari jalan untuk mempertingkatkan industri berat antara kedua-dua negara.

Soal-soal ini dibincangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan Menteri Penyelidikan dan Teknologi Indonesia, Profesor Dr Bacaruddin Jusuf Habibie, di pejabatnya di sini.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Tan Sri Zainal Abidin Sulong, memberitau pemberita bahawa perbincangan itu tertumpu kepada perkara-perkara kepentingan bersama, kerjasama dalam pel-

bagai bidang dan mengukuhkan hubungan antara kedua-dua negara.

Dalam perbincangan itu, Perdana Menteri juga membincangkan kemungkinan kedua-dua negara bertukar-tukar alat ganti untuk kenderaan yang dikeluarkan oleh negara masing-masing.

Menteri Indonesia itu yang dalam lawatan tiga hari, juga mengunjungi Menteri Luar, Tengku Ahmad Rithauddeen, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Khalil Yaakub dan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Amar Stephen Yong.

Tengku Rithauddeen memberitahu pemberita, mereka juga membincangkan soal usahasama dalam bidang teknologi dan beberapa sektor tertentu, terutama industri berat, yang kebanyakannya tertumpu kepada keluaran kenderaan masing-masing.